

17 MAR 1998

Najib-pusat

PUSAT UNIVERSITI ASIA-EROPAG AKAN DITUBUHKAN DI KL

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Sebuah pusat yang akan membekalkan prasarana ke arah meningkatkan hubungan universiti Asia-Eropah akan ditubuhkan di sini tidak lama lagi.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata "Asia-Europe University Centre (Pusat Universiti Asia-Eropah)" atau AEUniC akan ditubuhkan sebaik sahaja konsepnya diluluskan oleh menteri-menteri yang hadir pada Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) di London awal bulan depan.

Katanya AEUniC akan menjadi pusat aktiviti perangkaian (networking) antara Asia dan Eropah dalam bidang hubungan universiti.

Ia juga akan menjadi perantaraan bagi mewujudkan satu sistem penyaluruan dan proses maklumat yang lebih baik dan juga mengadakan dialog dan seminar bagi kerjasama yang lebih bermakna.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan seminar mengenai "Asia-Europe Educational Link: Laying The Foundation (Hubungan Pendidikan Asia-Eropah: Meletakkan Asas" di sini hari ini, Najib berkata idea untuk merapatkan kerjasama antara Asia dan Eropah melebihi daripada hubungan tradisi telah dilahirkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat ASEM yang pertama di Bangkok dua tahun lepas.

Terdahulu, dalam ucapannya, Najib berkata masanya telah tiba negara-negara Asia dan Eropah untuk saling menghargai dan menyedari bahawa kedua-dua benua itu tidak lagi boleh berasingan dan menganggap antara satu sama lain sebagai dua entiti berasaskan kepada hubungan ekonomi dan perdagangan mereka.

"Walaupun struktur ekonomi kita berlainan kita sedang sedang menjadi sebahagian dari sistem ekonomi global dan ini bermakna kita tidak lagi boleh lari atau mengasing dari kepesatan dan kesibukan pasaran kewangan," katanya.

Oleh itu, katanya, Eropah perlu bersedia untuk membantu dan bukan hanya menegur (negara-negara) Asia yang mereka silap dan perlu memperbaiki itu dan ini.

Najib memberitahu para peserta seminar itu yang terdiri dari pakar pendidikan dari Asia dan Eropah bahawa beliau yakin penduduk di kedua-dua benua itu akan dapat mencapai taraf persefahaman yang lebih tinggi melalui proses pendidikan.

"Secara realistik kita tidak boleh mengharap bahawa dalam masa hanya beberapa tahu kita akan dapat mengenali antara satu dengan lain. Ia akan mengambil masa berjenerasi dan di sinilah forum seperti ini dapat memulakan usaha mengadakan kurikulum yang akan membantu menghubungkan jurang itu," katanya.

Para cendekiawan mempunyai peranan penting memperbetulkan persepsi negatif mengenai Asia kepada orang-orang Eropah dan mengenai Eropah kepada penduduk Asia, katanya. -- BERNAMA

RA WAT